

03/12/1999

Dua MB angkat sumpah hari ini

KUALA LUMPUR, Khamis - Tiga hari selepas pilihan raya umum, Kelantan dan Terengganu sudah membentuk kerajaan negeri, manakala ketua kerajaan di beberapa negeri lagi dijangka mengangkat sumpah jawatan, menjelang akhir minggu ini.

Kebanyakan menteri besar dan ketua menteri di negeri yang dikuasai Barisan Nasional (BN) dijangka dikekalkan walaupun ada desas-desus kononnya kedudukan di negeri-negeri Utara dan Pahang, mungkin berubah.

Hari ini, Melaka mendapat ketua menteri baru apabila Datuk Wira Mohamed Ali Rustam mengangkat sumpah jawatan itu di hadapan Yang Dipertua Negeri Tun Syed Ahmad Shahabudin di Istana Melaka.

Mohamed Ali yang juga Naib Ketua Perhubungan Umno negeri dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Paya Rumput menggantikan Datuk Seri Abu Zahar Isnin yang bertanding di kerusi Parlimen Jasin.

Bekas Timbalan Menteri Kesihatan itu dijangka menamakan ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) minggu depan, selepas mendapat persetujuan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Semalam, Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Aziz Nik Mat dan Naib Presiden Pas, Abdul Hadi Awang, masing-masing mengangkat sumpah sebagai Menteri Besar Kelantan dan Terengganu dan mengumumkan senarai Exco mereka hari ini.

Menteri Besar Selangor, Datuk Abu Hassan Omar dan bekas Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Tajol Rosli Ghazali, masing-masing akan mengangkat sumpah jawatan sebagai Menteri Besar Selangor dan Perak, esok.

Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman dan Menteri Besar Negeri Sembilan, Tan Sri Isa Samad pula berkata, mereka akan melantik Exco kerajaan negeri masing-masing minggu depan.

Di IPOH, kenyataan Pejabat Menteri Besar menyebut, Tajol Rosli akan mengangkat sumpah di hadapan Sultan Perak, Sultan Azlan Shah di Istana Iskandariah, Kuala Kangsar, jam 9 pagi esok.

Tajol Rosli, 55, memenangi kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Kenering setelah menewaskan pencabarnya, Azman Pandak daripada Pas.

Petang ini, beliau menghadap Sultan Azlan di Istana Kinta di sini untuk mempersembahkan surat pelantikannya yang diterima daripada Perdana Menteri.

"Selain mempersembahkan surat pelantikan sebagai Menteri Besar, saya juga mempersembahkan kemenangan majoriti dua pertiga BN Perak dalam pilihan raya umum lalu," katanya.

Tajol Rosli yang diiringi isterinya, Datin Seri Kamariah Mokri sebelum itu pertemuan kira-kira satu jam dengan Sultan Azlan. Hadir sama ialah Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Abdul Majid Hussein.

Di KLANG, Abu Hassan hari ini menghadiri raptai mengangkat sumpah jawatan Menteri Besar di Istana Alam Shah di sini, hari ini.

Difahamkan kerajaan Selangor bersetuju mewujudkan satu jawatan baru dalam barisan Exco iaitu jawatan Timbalan Menteri Besar yang diberikan kepada Adun Dusun Tua, Datuk Dr Zainal Abidin Ahmad.

Zainal Exco paling kanan dalam pentadbiran Kerajaan Selangor dan ini adalah penggal ketiga beliau diberi tanggungjawab berada dalam senarai Exco kerajaan negeri.

Bagaimanapun pihak istana dan pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri masih belum mengeluarkan senarai penuh nama bakal Exco yang akan mengangkat sumpah di hadapan Pemangku Raja Selangor, Tengku Idris Shah, esok.

Di JOHOR BAHRU, barisan Exco kerajaan negeri dijangka diputuskan minggu depan dengan membabitkan separuh muka baru termasuk beberapa wakil daripada parti komponen BN.

Abdul Ghani berkata, senarai itu akan ditentukan selepas beliau menemui Seri Dr Mahathir, Isnin ini.

Menurutnya, kerajaan negeri kali ini akan mengandungi 10 ahli Exco seperti diperuntukkan dalam pindaan perlembagaan negeri berbanding lapan sebelum ini.

Barisan baru Exco kerajaan negeri adalah kombinasi wakil Umno, MCA dan parti komponen lain dalam BN yang sama-sama membantu mengekalkan kemenangan menyapu bersih 20 kerusi Parlimen dan 40 kerusi DUN.

Di PULAU PINANG, Ketua Menteri, Tan Sri Koh Tsu Koon dijangka menerajui negeri itu sekali lagi selepas kejayaannya menerajui BN dalam pilihan raya umum kali ini.

Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik berkata, parti itu akan mencadangkan kepada Dr Mahathir supaya Koh dikekalkan.

Walaupun pembangkang berjaya memenangi beberapa kerusi di Pahang dan Perlis, Dr Mahathir dijangka melantik semula Datuk Adnan Yaakob dan Datuk Seri Shahidan Kassim sebagai Menteri Besar.

Bagaimanapun di Kedah, ada spekulasi bahawa negeri itu bakal menyaksikan pelantikan menteri besar baru.

Ini berikutan Pas berjaya mendapat sokongan besar dengan memenangi 12 kerusi DUN dan lapan kerusi Parlimen di negeri itu, sehingga beberapa pihak menyalahkan Menteri Besar, Tan Sri Sanusi Junid.

(END)